

# BENGKEL PENGAWAS PUSAT SUMBER SEK. MEN. ISLAM DARUL BAYAN, PAKA, TERENGGANU

12 APRIL 2023

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN**

**IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Pada 12 April 2023, Rabu, telah diadakan satu Bengkel Pengawas Pusat Sumber Sekolah yang dianjurkan secara bersemuka oleh Maktabah 'Ilmi Al-Bayan, Sek. Men. Islam Darul Bayan, Paka, Terengganu. Pihak Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah dijemput bagi memberi taklimat dan panduan kepada 16 orang Pengawas Pusat Sumber Sekolah di sekolah tersebut.

Taklimat dan pengisian sepenuhnya dikendalikan oleh Cik Asmahani Abdullah (Pustakawan Kanan) selaku penceramah bengkel. Hadir sebagai fasilitator ialah Puan Ayuzawahie Amran (Pembantu Pustakawan Kanan), bersama Puan Hafsa Mustafa (Pembantu Pustakawan). Antara pengisian bengkel tersebut ialah perincian skop tugas Pengawas Pusat Sumber Sekolah, dan pengurusan teknikal koleksi perpustakaan termasuk pengelasan, asas pengkatalogan, dan penyusunan buku di perpustakaan. Peserta bengkel juga diberi latihan berkumpulan dengan aktiviti membuat salinan pengkatalogan dan memberi nombor panggilan pada buku-buku baharu koleksi yang ada di perpustakaan.

Program perkongsian kepakaran ini merupakan salah satu program khidmat masyarakat perpustakaan kepada komuniti setempat, di samping menambahbaik pengurusan pusat sumber sekolah. Puan Juliana Ramli, Penyelaras Pusat Sumber Sek. Men. Islam Darul Bayan, amat berpuas hati dengan kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Beliau juga berharap agar kerjasama seperti ini dapat diteruskan bagi meningkatkan penggunaan perpustakaan bagi kecemerlangan pelajar sekolah pada masa akan datang.

